

Terlalu awal belajar di luar negeri mungkin terdedah pada budaya asing — Sultan Selangor

PETALING JAYA 25 Julai — Para pelajar yang terlalu awal dihantar belajar di luar negeri mungkin terdedah kepada budaya asing yang boleh mengakibatkan kesan yang kurang menyenangkan, titah Sultan Selangor Darul Ehsan hari ini.

Semasa merasmikan "Sunway College" di sini baginda mengingatkan supaya para pelajar dididik dengan amalan Rukunegara kerana ia amat penting bagi menjauhkan mereka daripada kegiatan kurang sihat seperti penyalahgunaan dadah dan menentang kerajaan yang akhirnya boleh merosakkan negara.

Menurut baginda walaupun kerajaan telah menambah tempat di universiti - universiti tempatan, masih banyak yang berkelayakan tidak dapat meneruskan pelajaran kerana tempat yang terhad.

Ini menyebabkan ramai ibu bapa menghantar anak - anak mereka belajar di luar negeri yang melibatkan perbelanjaan yang banyak lebih - lebih lagi dengan langkah universiti - universiti luar negeri menaikkan yuran pendidikan masing - masing, tambah baginda.

Mengenai institusi pendidikan swasta baginda bertitah menasihatkan pihak pengurusan institusi seperti itu supaya tidak terlalu memperdagangkan kegiatan



SULTAN Selangor meneliti salah sebuah buku lama yang dipamerkan selepas baginda merasmikan Kolej Sunway di Petaling Jaya pagi semalam.

an pendidikan kerana pendidikan merupakan bidang yang mulia.

Mengenai "Sunway College" yang menjalankan program "kembar" dengan tiga buah universiti luar negeri yang diiktiraf oleh kerajaan, baginda bertitah bahawa penubuhannya dapat memendekkan masa seseorang pelajar berada di

luar negeri selain memberi peluang kepada lebih banyak pelajar.

Menurut program itu, para pelajar dikehendaki mengikuti kursus selama dua tahun di kolej itu sebelum menamatkan dua tahun lagi di universiti - universiti terlibat.

Pengerusi lembaga pengelola kolej itu Tun Hussein Onn pula berkata pen-

didikan di peringkat universiti harus diperluaskan fungsinya dan tidak bersifat akademik semata - mata.

Penyertaan para pelajar dalam semua aspek termasuk akademik dan kegiatan sukan penting bagi pembentukan peribadi seseorang mahasiswa yang akan menjadi tenaga pengerak utama kepada kemajuan negara.